

## PERSPEKTIF STRUKTURALISME DALAM SOSIOLOGI

SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

*Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

### PROLEGOMENA

Strukturalisme sebagai suatu perspektif dalam teori sosial bukan monolitik sifatnya. Wujud beberapa bentuk strukturalisme (*structuralisms*) dalam sains sosial dan juga dalam pengajian kemanusiaan (*humanities*). Misalnya, walaupun antropologi dan sosiologi merupakan dua disiplin yang semoyang dari segi epistemologi dan dalam sejarah perkembangan teori sosial, namun masing-masing mempunyai perspektif strukturalisme yang agak berbeda dalam banyak segi.

Rata-rata apabila kita menyentuh tentang perspektif strukturalisme dalam antropologi kita sebenarnya merujuk kepada sumbangan seorang sarjana antropologi Perancis, Levi-Strauss, atau sumbangan lain yang semestinya berpunca daripada tokoh ini. Sumbangan Levi-Strauss bermula serta berkembang dan menjadi begitu dominan dalam abad yang ke-20 ini. Dalam sosiologi pula perspektif strukturalisme dicirikan oleh kerencaman dalam beberapa segi; melibatkan sumbangan sebilangan tokoh yang berlainan haluan teoritis, perkembangan idea yang meliputi tiga abad, setidak-tidaknya, dan tumbuhnya pecahan kecil daripada kepelbagaian haluan teoritis tersebut.

Namun dalam suatu konteks yang lain, kita akan dapati bentuk strukturalisme dalam antropologi, linguistik dan sastera membunvati tali-menali erat. sama ada dari segi

turalisme ini, wujud juga semacam tindanlapis dalam beberapa konteks, seperti yang disebut di atas.

Maka berikut ini kita akan cuba meninjau, semestinya seimbang pandang, perspektif strukturalisme dalam sosiologi serta kandungannya. Mula-mula kita meninjau andaian asas yang mendukung perspektif ini. Kemudian membincangkan dua aliran dalam perspektif strukturalisme sosiologi berdasarkan penelitian secara kronologis terhadap tokoh-tokoh utama setiap aliran berkenaan serta sumbangan mereka. Akhirnya kita akan meninjau persamaan, dari segi paradigmatik, kedua aliran dalam perspektif ini.<sup>1</sup>

## **2. Andaian Asas dan Aliran Dalam Perspektif Strukturalisme Sosiologi**

Andaian asas yang menjadi landasan perspektif strukturalisme dalam sosiologi boleh disimpulkan sedemikian. Bahasa semua tindakan manusia sebahagian besarnya distrukturkan oleh sekitaran sosialnya. Apa saja bentuk nilai dan sikap yang diamalkan oleh manusia serta aktiviti yang dilakukan, juga hubunganyang dimeteraikan, dilihat sebagai akibat daripada, atau setidaknya dipengaruhi oleh, organisasi dan struktur masyarakat dalam mereka hidup. Ringkasnya, manusia dalam semua segi hidupnya tidak terlepas daripada ikatan matriks sosialnya, sama ada bercorak wujudulu atau semasa, yang dikatakan berbentuk struktural. Ini tidak bermakna, secara simplistik, manusia itu semata-mata dikongkong dan diperalat oleh struktur-struktur yang abstrak di luar kawalan mereka. Di sebaliknya, manusia, dalam kepelbagaian kegiatannya, bertanggungjawab menggerakkan perubahan terhadap struktur berkenaan dari masa ke semasa, secara sadar atau tidak.

Dalam usaha mereka untuk menghuraikan (sama ada secara teoritis atau/dan empiris) apa yang dimaksudkan dengan struktur sosial dan bentuk-bentuknya, tokoh-tokoh sosiologi tidak sekata. Masing-masing (secara individu atau berkelompok) telah mengemukakan pandangan yang tersendiri berasaskan rangka

konsep, andaian dan bahan empiris yang berbeda. Perbedaan ini ditambah rumitkan lagi oleh konteks sejarah dan suasana sosial dalam mana pandangan berkenaan telah dipupuk, dibina dan dikemukakan. Seperti yang kita tahu bahawa idea, teori dan konsep untuk muncul dalam hampawa (*vacuum*). Ada asas ideal dan material yang mengisinya.

Justeru itu, wujud kerencaman dalam perspektif strukturalisme sosiologi. Namun dalam kerencaman ini, secara luas, kita boleh membahagikan pandangan-pandangan dalam perspektif ini kepada dua aliran utama: satu dikenal sebagai aliran konsensus dan satu lagi aliran konflik. Semestinya pembahagian ini bukan sesuatu yang muktamad, ia sekadar alat analitikal (*analytical tool*) yang bersifat wenangan (*arbitrary*). Maknanya, lain orang boleh mengemukakan lain bentuk pembahagian. Tetapi bagi keperluan kita pembahagian yang disarankan (yakni konsensus vs. konflik) memadai sebagai permulaan, dan boleh dihalusi atau diubahsuai dengan keadaan lain nanti.

Hendaknya, janganlah pula kita beranggapan dengan wujudnya kepelbagaian ini, yang rata-rata mendedahkan kewenangan (*arbitrariness*) sifat huraian sosial (*the nature of social explanations*), maka kita mesti meragui keabsahan (*legitimacy*) huraian-huraian berkenaan. Adalah menjadi tujuan asas setiap huraian (baik dalam sosiologi atau dalam kimia, sekalipun) untuk menyampaikan sesuatu sehampir boleh dengan realitinya, sosial maupun material. Dalam usaha ini kegagalan tetap berlaku kerana manusia hanya mampu menanggapi realiti kerana ia berubah-ubah sifatnya, sebahagian demi sebahagian, mengikut ruang dan masa. Dengan kata lain, huraian sosial sentiasa dibatasi oleh kemampuan manusia semasa.<sup>2</sup>

Dalam semangat ini marilah kita kini sama-sama meneliti kedua-dua aliran dalam perspektif strukturalisme sosiologi.

### 3. Aliran Konsensus

#### 3.1. Andaian Teoritis

Pada asasnya telah wujud semacam kesekatan di kalangan

ahli sosiologi yang mengembangkan aliran konsensus ini mengenai cara menghuraikan perjalanan masyarakat. Rata-rata mereka menumpukan perhatian terhadap 'masalah susunan' (*the problems of order*) dalam masyarakat. Analisis mereka tentang hal ini, sama ada dari segi teoritis maupun empiris, pada umumnya berasaskan andaian-andaian berikut: bahawa masyarakat boleh dilihat sebagai suatu keseluruhan yang bersepadu, mantap, seikat-erat (*cohesive*), dan *persistent*; seterusnya, sebarang perbedaan yang wujud dalam masyarakat dikatakan berpunca daripada kelainan budaya serta perbedaan 'susunan' sosio-struktural.

Justeru itu, aliran ini selalu menekankan aspek-aspek tertentu masyarakat dalam menggambarkan perjalanannya; seperti aspek keharmonian dalam masyarakat, keseimbangan antara bahagian-bahagian dalam masyarakat, kesinambungan dalam masyarakat melalui kesepaduan antara bahagian-bahagian berkenaan, dan melihat perubahan sosial sebagai proses penyelesaian serta perubahan-perubahan yang tenteram.

Andaian dan penekanan yang disebut tadi telah bertanggungjawab melahirkan serta menyumbangkan suatu rangka konseptual dan mod analisis yang selama ini dikenal sebagai struktural-fungsional. Kalaupun wujud perbedaan di antara sumbangan para sarjana utama yang mendukung aliran ini, itu merupakan perbedaan dari segi penekanan bukan premis teoritis asasi mereka.

Dalam konteks ini, sesuai sekali untuk kita meneliti perkembangan idea dalam aliran konsensus dengan membincangkan secara kronologis sumbangan-sumbangan khusus tokoh-tokoh utamanya, bermula dengan Comte dan Spencer.

### 3.2. *Kronologi Perkembangan Idea Berdasarkan Tokoh-Tokoh Utama*

#### (a) Comte dan Spencer: Dua Pelopor Utama

Auguste Comte (1798-1857), tokoh yang memperkenalkan istilah 'sosiologi', mendakwa bahawa wujudnya disiplin sosio-



logi merupakan puncak pencapaian usaha saintifik manusia. Beliau mengemukakan dua hujah penting untuk menyokong dakwaannya ini.

Pertama, berdasarkan skema tiga tahap historisnya. Comte menghujah bahawa masyarakat dan pemahaman manusia mengenai dirinya berkembang melalui tiga tahap historis: teologikal, metafizikal dan saintifik. Dalam dua tahap awal, manusia mempunyai kemampuan terbatas dalam memahami alam sejadi di sekitarnya dan masyarakatnya sendiri: pada tahap pertama melalui kepercayaannya yang berasaskan *superstition* atau agama, dan pada tahap kedua melalui penakulan dan logik. Selanjutnya, di tahap ketiga, yakni pada tahap saintifik, manusia, melalui kemajuan dalam bidang sains alam sejadi (*natural science*), telah mampu menguasai alam. Ini mampu dilakukan dengan kemajuan serta pencapaian manusia di bidang teknologi dan industri. Maka perkembangan saintifik ini telah memungkinkan manusia bukan saja memahami dengan lebih mendalam perjalanan masyarakat bahkan mengubahnya dengan mengaplikasikan teknik saintifik baru serta alat pemikiran saintifik yang baru juga, yakni sosiologi.

Kedua, ekoran daripada perkembangan saintifik tersebut, baik dalam bidang material maupun idea, tugas mengubah masyarakat menjadi lebih penting dan kompleks, melibatkan pengintegrasian kedua-dua kaedah bidang berkenaan. Namun, Comte menghujahkan, dalam bidang idea, sosiologi menduduki tempat paling utama — *the queen of the sciences* — kerana bidang ini menjadi asas dan penggerak selanjutnya bidang material.

Menurut Comte, kandungan disiplin sosiologi ada dua cabang: '*statics*' dan '*dynamics*'. '*Statics*' melibatkan pengajian masyarakat secara keseluruhan dan bertujuan untuk memerihalkan bagaimana ia bergerak dan berfungsi sebagai suatu sistem yang mengandungi pelbagai bahagian yang saling berhubungan. '*Dynamics*' bertujuan untuk mengenalpasti undang-undang yang menghuraikan bagaimana masyarakat berubah mengikut masa. Kedua-dua cabang ini semestinya dikaji seobjektif mungkin dengan menggunakan kaedah sains alam

sejadi. Dengan ini, Comte telah menggariskan suatu program untuk sosiologi yang peranan utamanya adalah mengkaji struktur masyarakat dan proses perubahan sosialnya.

Herbert Spencer (1820-1903), pada umumnya, bersetuju dengan pendapat Comte berkait dengan soal struktur dan perubahan sosial, tetapi dari segi konseptual beliau telah membuat dua tambahan penting.

Pertama, mengandaikan bahawa masyarakat boleh dipadankan dengan suatu organisme (biologis), yakni ia boleh dilihat seperti benda bernyawa (*living things*) yang lain. Dengan itu, masyarakat dikatakan mempunyai bahagian-bahagiannya, seperti seekor haiwan dengan anggota fizikalnya. Kerjasama antara bahagian-bahagian ini penting sekali untuk menjamin perlanjutan masyarakat. Setiap bahagian dalam masyarakat dipanggil institusi, yakni sistem yang menyusun organisasi sosial, seperti kekeluargaan, ekonomi dan politik. Penyusunan sedemikian rupa mempunyai tiga fungsi penting yang sentiasa bergerak serentak yang mendukung serta menjamin kesinambungan masyarakat: fungsi *regulation*, *distribution* dan *sustenance*. Dengan perkataan lain, masyarakat mesti diperintah dan dikawal, barangan ekonomi mesti dihasilkan dan diagihkan, penduduknya bukan saja mesti ditanggung dari segi ekonomi bahkan perlanjutannya mesti dijamin melalui perkahwinan dan proses sosialisasi yang sesuai.

Kedua, Spencer mengandaikan bahawa masyarakat adalah seperti benda bernyawa yang lain, berevolusi mengikut peredaran masa. Pada pandangan beliau, yang berevolusi adalah struktur masyarakat, yakni daripada struktur yang simpel kepada yang kompleks dan daripada struktur yang seragam (*homogeneous*) kepada yang berbeza (*differentiated*). Dengan berlakunya kebedaan (*differentiation*) ini, bahagian-bahagian dalam masyarakat dikatakan berfungsi lebih khusus (*specialised*).

Rangka konseptual yang diutarakan oleh Spencer ini telah dijadikan sebagai asas untuk beliau mengklasifikasikan bentuk-bentuk masyarakat. Pertama, beliau menyarankan bahawa garis/arah evolusi berlaku dari segi organisasi masyarakat: daripada *simple* ke *compound*, selanjutnya ke *doubly compound* dan

akhirnya ke *trebly compound*. Dalam konteks ini beliau menekankan aspek politik atau regulatif masyarakat di mana Spencer mengutamakan ciri kepimpinan dan pembentukan negara sebagai garis panduan empiri membina skema strukturalnya. Kedua, beliau mengemukakan dua bentuk masyarakat yang mempunyai ciri-ciri bertentangan (*polar-types*), dan masing-masing terletak di salah satu hujung suatu *continuum*: masyarakat *militant*, yang bercorak despotik, dan masyarakat *industrial*, yang berbentuk demokratik. Di antara kedua ini wujud masyarakat yang dikatakan mengalami proses peralihan.

Sebagai rumusan ringkas, kita dapati bahawa Comte dan Spencer telah mengemukakan suatu garis panduan umum untuk menganalisa masyarakat dari perspektif struktural-fungsional. Biarpun ahli-ahli sosiologi yang terkemudiannya mengenepikan skema-skema evolusi mereka, namun apa yang telah Comte dan Spencer perkenalkan seperti konsep struktural dan fungsi serta pemisahan dari segi analitis antara pengajian mengenai struktur sosial dan perubahan sosial, tetap digunakan secara luas sehingga kini. Malah analogi organik yang Comte dan Spencer perkenal serta perkembangan masih digunakan oleh segolongan ahli sosiologi masakini. Bukan itu sahaja, penekanan terhadap sifat sistematis masyarakat dan hubungan erat antara bahagian-bahagian dalam masyarakat yang terdapat dalam aliran konsensus perspektif strukturalisme sosiologi kini pun berpunca daripada kedua tokoh ini.

#### (b) Emile Durkheim: Pelopor Fungsionalisme

Sumbangan Durkheim (1858-1917) amat penting ke arah mengembangkan aliran konsensus perspektif strukturalisme sosiologi. Mod analisis beliau mengasaskan apa yang dikenal sebagai fungsionalisme dalam sosiologi dan usaha beliau lebih mendalam, luas dan terperinci apabila dibandingkan dengan sumbangan Comte dan Spencer.

Durkheim, seperti Comte, melihat masyarakat sebagai suatu sistem sosial yang mengandungi elemen-elemen (bukan bahagian-



bahagian sosial yang saling berhubungan). Kepada beliau sistem sosial lebih merupakan *moral entities*, bukan *empirical entities* semata-mata. Durkheim menghujahkan bahawa perhubungan antara sesama manusia menimbulkan jangkaan-jangkaan berdasarkan pola prilaku (*expection of patterns of conduct*), kerana melalui perhubungan itu muncul semacam kesekatan dari segi persepsi, penilaian, perasaan dan perlakuan dalam banyak hal. Maka selanjutnya wujud apa yang dipanggil oleh Durkheim sebagai *collective consciousness* yang menjadi *constraints*, malah penentu terhadap cara manusia berperilaku.

Apa yang kita sering anggap sebagai *moral pressures* atau *moral constraints* sebenarnya secocok dengan idea Durkheim. Lalu ini seolah-olah meletakkan masyarakat pada suatu kedudukan yang melewati kekuasaan manusia. Keadaan inilah yang meyakinkan Durkheim bahawa masyarakat itu sebenarnya lebih merupakan suatu entiti moral atau realiti moral daripada realiti empiri semata-mata. Justeru itu, beliau selanjutnya mengandaikan bahawa untuk membolehkan anggota-anggota sebarang kelompok manusia hidup bekerjasama, kesemua anggotanya mestilah mencapai suatu persetujuan asas tentang prioriti mereka, tentang cara mereka berhubung antara satu sama lain, dan tentang mereka menyusun hubungan-hubungan tersebut.

Andaian beliau ini sebenarnya bertentangan dengan idea Thomas Hobbes, malah boleh dianggap sebagai suatu kritikan terhadap Hobbes. Kepada Hobbes manusia pada dasarnya sentiasa berkelahi dan bertentangan sesama sendiri. Untuk mengelakkan proses *self-destruction* ini manusia mewujudkan suatu bentuk kontrak sosial untuk bekerjasama dan menyusun suatu organisasi sosial yang berprinsipkan keamanan. Dengan itu manusia telah mengorbankan kebebasan demi kepentingan bersama. Durkheim pula menghujahkan bahawa untuk manusia mewujudkan kontrak sosial tersebut mestilah mereka telah terlebih dahulu bersetuju tentang nilai kontrak berkenaan dan sanggup akur kepada suatu kontrak yang tidak bertulis. Maka, kata beliau, persetujuan tentang nilai kontrak tersebut dan kesanggupan untuk akur kepada suatu kontrak yang tidak bertulis



itu menjadi *a priori* lantaran intipati kewujudan 'order' dalam masyarakat. Kalau manusia sudah bersedia untuk menghormati sesuatu kontrak sosial ertinya sudah wujud suatu nilai asas di antara mereka dan inilah yang dikatakan masyarakat sebagai bersifat 'moral'.

Penekanan terhadap sifat moral yang mengasaskan semua hubungan sosial manusia terdapat dalam semua tulisan Durkheim. Misalnya, dalam buku beliau *The Division of Labour: The Study of the Organization of Advanced Societies*, Durkheim mendakwa bahawa *division of labour* lebih merupakan suatu fenomena moral daripada ekonomi. Dalam buku ini, beliau telah menumpukan kajiannya terhadap masalah moral, undang-undang dan politik masyarakat apabila masyarakat berubah daripada suatu sistem agraria yang simple serta tradisional kepada sistem industrial. Durkheim menyarankan bahawa kedua-dua sistem masyarakat ini mengandungi bentuk solidariti sosial dan sistem moraliti sosial yang berbeda.

Dalam masyarakat primitif terdapat sedikit sekali *division of labour*, kerana setiap elemen dalam masyarakat berkenaan setara nilai masing-masing. Ringkasnya, anggota masyarakat primitif mempunyai nilai yang seragam berasaskan perkongsian pengalaman. Maka wujud solidariti berbentuk mekanikal dan uniformiti dari segi kepercayaan dan idea moral.

Apabila *division of labour* bertambah rumit dan peranan-peranan baru terbentuk, maka perbedaan sosial pun meningkat. Namun bentuk sosial (mekanikal) dan uniformiti idea moralnya tidak runtuh tiba-tiba dengan perubahan-perubahan tersebut. Di sebaliknya, ia hanya berkurangan atau jadi lemah. Maka muncul suatu bentuk solidariti sosial dan *moral order* yang baru pula yang perlahan-lahan menampung kelemahan bentuk lama selanjutnya mengambilalih keadaan. Bentuk solidariti sosial yang baru ini dipanggil oleh Durkheim sebagai *organic solidarity*, yang dicirikan oleh pergantungan rapat antara elemen-elemen sosial dalam suatu konteks *moral consensus*, yakni semua anggota masyarakat menerima hakikat perbezaan sosial sesama mereka.

Dari segi empiri, Durkheim berpendapat pertambahan pen-

duduk telah meningkatkan densiti interaksi sosial, yang selanjutnya menambahhebatkan persaingan dan konflik lalu mengancam perpaduan sosial. Maka bentuk serta susunan *division of labour* pun bertambah kompleks untuk menampung perubahan berkenaan, sekaligus menjamin perlanjutan masyarakat dan *social order* keseluruhannya. Secara implisit Durkheim melihat perjalanan masyarakat dan perubahannya dari sudut konsep *equilibrium*.

Konsep *equilibrium* ini penting dalam aliran konsensus. Pada umumnya masyarakat diandaikan sebagai tersusun dan stabil sehingga sesuatu perubahan terjadi. Apabila sesuatu perubahan berlaku masyarakat dikatakan menghasilkan pula berbagai bentuk perubahan yang lain sebagai suatu proses penyesuaian kepada suatu keadaan baru guna mencipta suatu bentuk *equilibrium* yang baru. Penggunaan konsep ini menganggap seolah-olah masyarakat itu suatu objek nyata (*to reify society*) dan bernyawa pula. Punca timbulnya andaian ini berkait rapat dengan anggapan-anggapan bahawa masyarakat menyerupai organisme (biologis), padahal Spencer hanya menyatakan masyarakat boleh dipadankan dengan suatu organisme. Dari segi ini Durkheim didapati telah menyamakan masyarakat dengan suatu organisme, malah menganggapnya sebagai suatu organisme yang teristimewa.

Maka sesuai dengan pandangan dan pendirian beliau mengenai masyarakat yang sedemikian, Durkheim telah mengemukakan semacam 'formula' kajilidikan guna meneliti masyarakat dan fenomena sosial secara terperinci lagi ilmiah. Bukunya *Rules of Sociological Method* mengandungi 'formula' ini. Beliau telah mengaplikasikan 'formula' ini dalam kajiannya mengenai agama, yakni dalam bukunya *The Elementary Forms of Religious Life*, dan mengenai fenomena bunuh diri dalam bukunya *Suicide: A Study on Sociology*. Dalam kedua-dua kajian beliau ini Durkheim sebenarnya telah memperkenalkan apa yang kita kenal sebagai analisis fungsional (*functional analysis*), yakni suatu bentuk huraian sosiologikal.<sup>3</sup>

(c) Talcott Parsons: Tokoh Aliran Konsensus Kurun 20

Sumbangan Talcott Parsons (1902-1979) ke arah mengukuhkan asas serta memperkembangkan huraian mengenai aliran konsensus dalam kurun ke-20 memang diperakukan oleh komuniti sosiologi dunia. Keistimewaan sumbangan beliau terletak pada kemampuannya mengemukakan secara sistematis, dalam suatu skema teoritis yang berkesan, tentang idea dan andaian penting tokoh-tokoh aliran konsensus sebelumnya. Kedudukan ini diperkukuhkan pula oleh sumbangan khusus beliau sendiri.

Seperti Comte, Spencer dan Durkheim, Parsons menganggap masyarakat sebagai suatu sistem sosial mirip dengan sistem bernyawa (*living systems*) yang lain. Menurutnyanya untuk membolehkan sesuatu sistem sosial itu wujud dan bergerak ia mesti memenuhi empat pra-syarat utama, atau dari satu sudut lain dianggapnya sebagai empat masalah besar yang mesti diselesaikan. Pra-syarat berkenaan dipanggilnya *functional imperatives* atau *functional pre-requisites*. Keempat pra-syarat ini bukan saja penting kepada sesuatu sistem sosial untuk melicinkan organisasinya, malah penting juga kepada setiap anggota sistem sosial berkenaan dalam mencapai keperluan peribadi masing-masing. Ringkasnya, ada dua paras di mana pra-syarat ini boleh diaplikasikan; pertama, terhadap sesuatu masyarakat, dan, kedua, kepada seseorang individu. Apakah empat pra-syarat ini?

- (i) *Penyesuaian Dengan Sekitaran* (adaptation to the environment): dalam mana sesuatu masyarakat mesti memenuhi keperluan fizikal setiap anggotanya untuk membolehkan masyarakat berkenaan terus wujud. Justeru itu, masyarakat mesti mengatur hubungan yang kompleks dengan sekitarannya guna memenuhi setidaknya keperluan mendapatkan makanan dan perlindungan. Lantaran ini melibatkan terasasnya sistem pengeluaran dan pengagihan.
- (ii) *Pencapaian Matlamat* (goal attainment): dalam mana semacam suatu bentuk persetujuan wujud di kalangan anggota sesebuah masyarakat mengenai prioriti dan matlamat mereka. Lantaran itu suatu usaha terpaksa di-

jalankan dan institusi diwujudkan guna mengenalpasti, memilih dan menghalusi tujuan dan matlamat kolektif ini.

(iii) *Menjamin Perlanjutan Pola dan Mengendalikan Ketegangan* (Pattern maintenance and tension management): dalam mana sesuatu masyarakat mesti memastikan setiap anggotanya berkeinginan untuk memainkan peranan masing-masing seperti yang diperlukan dan mempunyai komitmen terhadap pola nilai kolektif. Mereka juga mesti mampu mengendalikan ketegangan yang timbul dalam interaksi sosial sehari-hari di antara mereka.

(iv) *Kesepaduan* (integration): dalam mana sesebuah masyarakat, demi menjamin berlanjutnya kewujudannya, perlu mempunyai unsur-unsur pengawalan dan penye-larasan, khususnya antara elemen-elemen dalaman yang membentuk bahagian-bahagian sesebuah masyarakat sebagai satu sistem sosial.

Pra-syarat (i) dan (ii) perlu kepada sesebuah masyarakat untuk menghadapi keadaan dan cabaran daripada luar masyarakat berkenaan. Pra-syarat (iii) dan (iv) lebih berupa unsur-unsur yang diperlukan oleh sesebuah masyarakat untuk berdepan dengan masalah dalaman, sama ada pada paras antara institusi maupun antara individual.

Selanjutnya, menurut Parsons, selari dan sesuai dengan keempat-empat pra-syarat tadi, wujud pula dalam sesuatu masyarakat empat ciri struktural yang mesti dimilikinya. Untuk keperluan pra-syarat (i) wujud struktur ekonomi, untuk (ii) wujud struktur politik, untuk (iii) wujud struktur kekeluargaan, dan untuk (iv) wujud struktur budaya. (Sila lihat Rajah 1) Parson menekankan bahawa bentuk khusus struktur-struktur berkenaan berbeda daripada satu masyarakat ke masyarakat yang lain, dan bentuk khusus ini ditentukan oleh sistem nilai sesebuah masyarakat. Maka sistem nilai ini terletak di atas struk-



tur yang empat tadi dan diertikan oleh Parsons sebagai struktur jaringan yang tersulam dalam rangkaian peranan yang dimainkan oleh setiap anggota masyarakat. Misalnya, struktur ekonomi masyarakat moden Barat ditentukan oleh kategori dan susunan pekerjaannya yang kompleks, seperti pengurus, pekerja, kerani bank, jurujual, pembantu pejabat dan sebagainya. Setiap kategori pekerjaan ini sudah ditentukan pula peranan masing-masing oleh sistem nilai masyarakat moden Barat.

Dengan lain perkataan, Parsons, seperti Durkheim sebelumnya, menganggap masyarakat sebagai suatu entiti moral di mana sistem nilainya begitu penting menentukan perjalanan struktur dan setiap institusi di dalam masyarakat itu. Kedua-dua tokoh ini menganggap bahawa suatu persetujuan di kalangan anggota sesebuah masyarakat mengenai beberapa nilai yang fundamental dianggap ciri tunjang masyarakat berkenaan. Maka konsensus merupakan elemen asas dalam menentukan wujud tidaknya sesuatu masyarakat.

Bertolak daripada sumbangan utamanya yang berbentuk penghuraian sosiologikal mengenai bentuk serta cara masyarakat berjalan dan melanjutkan kewujudannya, Parsons kemudian telah mengaplikasikannya untuk memahami proses perubahan sosial pula. Ringkasnya, beliau juga telah terlibat dalam proses penteorian mengenai perubahan sosial. Untuk tujuan ini konsep utama yang digunakan oleh beliau adalah konsep *equilibrium*.

Dalam tulisan Comte, Spencer dan Durkheim konsep *equilibrium* wujud secara implisit, tetapi Parsons telah menggunakan secara eksplisit dalam skema teoritisnya. Menurut beliau, sesebuah masyarakat itu mengalami suatu keadaan *equilibrium* apabila tiadanya konflik, apabila setiap anggotanya sedar dan memainkan peranan masing-masing. Keadaan ini dipanggilnya *perfect equilibrium* dan merupakan sesuatu yang unggul yang menjadi matlamat untuk dicapai oleh setiap masyarakat. Dua proses utama yang melaluinya sesebuah masyarakat itu boleh mencapai *perfect equilibrium* adalah proses sosialisasi dan pengawalan sosial. Proses sosialisasi memungkinkan setiap anggota masyarakat belajar tentang peranan masing-masing dan proses pengawalan sosial memastikan sebarang penyelewengan dikawal.

Tetapi Parsons juga telah menyatakan bahawa, selepas Revolusi Industri, struktur dan nilai masyarakat-masyarakat di Barat telah berubah. Justeru itu, proses sosialisasi telah berubah kerana pola jangkaan peranan yang berubah. Lantaran itu bentuk pengawalan sosial pun turut berubah. Namun perubahan sosial ini tidak berlaku dengan mendadak, walaupun Parsons tidak menafikan wujudnya konflik dalam konteks perubahan sosial ini. Sistem pendidikan kemudiannya telah menjadi mekanisme sosial yang telah berjaya mengelakkan atau mengurangkan potensi konflik dalam sistem ekonomi dan famili masyarakat Barat. Dengan cara inilah masyarakat Barat berjaya mempertahankan kesepaduan sosialnya dalam keadaan sosial yang telah berubah; justeru itu *equilibrium* sosialnya dikekalkan. Maka dalam konteks ini, Parsons menekankan fungsi pendidikan sebagai suatu bentuk mekanisme penyesuaian (*adjustment-mechanism*) yang paling penting dalam suatu keadaan sosial yang berubah-ubah.

Ekoran daripada pemerhatiannya tentang pengalaman perubahan sosial di Barat ini, Parsons telah meningkatkan kedudukan teoritis ciri 'norma dan nilai' dalam analisisnya mengenai perubahan sosial. Ini dilakukannya dengan memperkenalkan konsep *pattern variables*. Konsep ini boleh dijadikan asas panduan, oleh sesiapa saja, untuk membina sebuah skema klasifikasi bagi mengkategorikan norma dan nilai mana-mana masyarakat pun. Parsons mendakwa konsep ini juga boleh digunakan semacam suatu *litmus test* bagi mengukur darjah *equilibrium* dan integrasi sosial mana-mana masyarakat.

Untuk membuktikan kesahihan teoritis dan kemampuan empiri konsep *pattern variables* ini, Parsons telah mengemukakan suatu perbandingan antara sistem nilai dan norma masyarakat modern-industrial Barat dengan masyarakat tradisional — saradiri di luar Barat dengan menggunakan konsep ini. Beliau mendapati ciri nilai dan norma masyarakat di luar Barat merupakan kebalikan (*opposites*) daripada masyarakat Barat.

Misalnya, salah satu daripada ciri dan norma utama masyarakat Barat ialah *self-orientation*, yakni menekankan individualisme dan kepentingan individu, sedangkan masyarakat di

luar Barat mementing nilai dan norma berbentuk *collective-orientation* di mana kepentingan bersama dan kerjasama anggota-anggota mendominasi. Cara melihat perbedaan antara masyarakat Barat dan luar Barat yang sedemikian mirip dengan tipologi Durkheim — *organic solidarity vs. mechanical solidarity*.

Konsep *pattern variables* inilah kemudiannya telah dijadikan asas teoritis untuk membina teori perubahan khusus, yang kini lebih dikenal sebagai teori pembangunan, selepas Perang Dunia Kedua apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melancarkan “Dekad Pembangunan Pertama 1950-60” sebagai usaha untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan pembangunan negara Dunia Ketiga.<sup>4</sup> Di samping itu, konsep yang sama telah mempengaruhi sebilangan besar ahli sosiologi di Amerika Syarikat seperti Neil Smelser, Kingsley Davis dan Wilbert Moore dalam usaha mereka membina teori perubahan sosial.

### 3.3. Rumusan

Dalam bahagian ini telah dijelaskan bagaimana pendekatan seseorang ahli sosiologi yang beraliran konsensus mengkaji kehidupan sosial berpandukan andaian teoritis dan konseptual aliran berkenaan. Ada dua andaian asas aliran konsensus yang boleh kita rumuskan: pertama, bahawa konsensus tentang nilai asas merupakan ciri penting yang mengikat sepadu sesebuah masyarakat dan menjamin keteraturan perjalanannya; dan, kedua, bahawa sesebuah masyarakat boleh dianggap sebagai sebuah sistem yang bersepadu dan mengandungi bahagian-bahagian yang saling bergantung. Berdasarkan andaian-andaian ini aliran konsensus dan tokoh-tokohnya, telah menghasilkan huraian mengenai sesuatu proses atau susunan sosial dalam masyarakat dari segi fungsi yang dipenuhinya guna menjamin perlanjutan masyarakat atau mana-mana bahagiannya.

Dari perspektif ini, masyarakat dilihat sebagai suatu keseluruhan yang bersepadu yang menstrukturkan dan mengikat setiap anggotanya. Anggota-anggota baru masyarakat mesti diasuh dan diajar untuk: memenuhi jangkaan budaya, norma



serta peranan yang ditentukan oleh masyarakat. Konsep-konsep seperti konsensus, *equilibrium*, sistem, fungsi, solidariti, integrasi, *functional pre-requisites*, merupakan konsep-konsep utama aliran konsensus, memandu sebarang penelitian yang dikenal sebagai *functional approach*. Perspektif ini luar sekali digunakan dalam sosiologi hari ini, walaupun tidak secara eksplisit. Selalu juga penganut perspektif ini menganggap inilah satu-satunya pendekatan dalam sosiologi. Ada juga pihak yang mendakwa pendekatan ini popular kerana mudah difahami dan digunakan kerana sifat falsafahnya yang menghampiri *empiricism* sains hayat.

Dalam konteks perkembangan sosiologi di Malaysia, aliran konsensus ini lebih sering digunakan dalam penyelidikan dan penulisan yang bercorak ilmiah. Bukan saja sarjana tempatan yang telah menggunakannya, sarjana luar negeri yang menulis tentang masyarakat Malaysia pun mendapati lebih selesa menggunakannya. Begitu juga keadaannya dalam disiplin sejarah, geografi dan sains politik di Malaysia; pengaruh aliran konsensus ini amat kuat tetapi kebanyakannya digunakan secara implisit.

#### 4. Aliran Konflik

##### 4.1. *Andaian Teoritis*

Kalau dalam aliran konsensus masyarakat dicirikan dan diuraikan dalam konteks kesekataan dan persetujuan antara anggotanya untuk menerima hanya satu sistem nilai dan norma, dalam aliran konflik pula dikatakan wujud pertentangan dan kepelbagaian kepentingan di antara sesama anggota masyarakat. Oleh itu, pendukung aliran konsensus sering dianggap sebagai penyokong sesuatu sistem sosial dan pendukung aliran konflik sebagai pengkritik radikal sistem sosial yang sedia wujud.

Pada asasnya aliran konflik cuba menghuraikan dan menganalisa dunia sosial serta kehidupan sosial dengan andaian bahawa organisasi sosial mencipta kepentingan dan penglibatan yang berbeza di antara anggotanya. Lantaran itu timbullah konflik, rasa permusuhan, pemaksaan, penindasan dan pecah-belah



pada beberapa peringkat serta berbagai-bagai bentuk. Kepentingan (ekonomi, politik, ideologi dan lain-lain) dianggap menjadi elemen asas pembentukan kelompok-kelompok sosial. Setiap kelompok berkenaan dikatakan bertindak untuk mempertahankan kedudukan, meluaskan pengaruh dan meningkatkan pencapaian masing-masing demi kepentingan yang didukungnya. Akibat proses yang sedemikian rupa, di mana setiap kelompok berusaha menegakkan kepentingan masing-masing, perubahan sosial dengan sendirinya akan berlaku sama ada secara mendadak atau sebaliknya.

Untuk memahami selanjutnya bagaimana pendukung aliran ini menganalisa perjalanan masyarakat dan perubahannya, elok kita tumpukan perhatian kepada sumbangan dua tokoh utamanya — Karl Marx dan Max Weber. Hampir semua ahli sosiologi berpendapat bahawa Karl Marx adalah pelopor utama aliran konflik dan tokoh-tokoh yang terkemudian daripada beliau, seperti Weber, dikatakan telah mengembang atau/dan menghalusi beberapa aspek idea Marx.

#### 4.2. *Kronologi Perkembangan Idea Berdasarkan Tokoh-Tokoh Utama*

##### (a) Karl Marx: Pelopor Aliran Konflik

Biarpun Karl Marx (1818-1883) telah mati lebih daripada satu abad lalu, namun pengaruh tulisannya hingga ke saat ini masih hidup segar dalam bidang akademik dan menjadi asas utama serta punca konflik. Dalam dunia politik pengaruh Marxisme lebih besar. Tulisan Marx berasaskan keadaan sosial pada kurun ke-19, namun analisisnya mengenai masyarakat meliputi zaman sebelumnya dan selepas kurun itu.

Seperti ahli falsafah sosial sebelumnya, Marx mengemukakan andaian mengenai sifat manusia dan dunia sosial berasaskan pandangannya, yang kemudiannya memandu beliau membina rangkaian teori, konsep dan huraian yang dimajukan.

Pada umumnya terdapat setidaknya-tidaknya enam andaian

utama, yang saling bertindan-lapis, yang menjadi landasan perspektif konflik Marx. Pertama, Marx berpendapat bahawa dunia sosial adalah dicirikan oleh perubahan yang turun-naik bukan oleh kestabilan serta kekekalan. Kedua, seperti perubahan dalam alam sejadi, perubahan dalam dunia sosial tidak rambang (*random*) tetapi tersusun dalam suatu keselarasan dan *regularity* yang boleh diperhatikan, lantaran itu boleh dikaji secara saintifik. Ketiga, dalam dunia sosial punca dan peranan perubahan yang turun-naik tetapi tersusun itu didapati terjalin dalam hubungan manusia dengan susunan serta bidang pekerjaan mereka. Mod saradiri merupakan cara paling asas untuk hidup dan proses untuk mencapainya memberi kesan penting terhadap struktur mana-mana masyarakat. Keempat, masyarakat boleh dilihat sebagai suatu sistem yang mengandungi bahagian-bahagian yang saling berhubungan di mana bahagian ekonominya mempunyai pengaruh terbesar. Kelima, manusia dalam sesebuah masyarakat, sama ada dari segi sikap maupun prilakunya, dilentur oleh institusi sosial sekitarnya. Maksudnya, biarpun setiap manusia itu rasional, cerdik dan peka sifatnya, semua kualiti ini boleh berubah dan berunsur kebalikan, kalau susunan sosial dalam masyarakat yang dianggotainya membenarkan beliau mengejar kepentingannya tanpa mengira orang lain. Keenam, falsafah asas Marx dalam menanggapi sifat manusia dan hubungan manusia dengan alam sejadi tersimpul dalam teori *historical materialism* beliau.

(Secara ringkas dan kasar falsafah *historical materialism* Marx boleh dirumuskan sedemikian: Dalam falsafah ini Marx cuba menghasilkan suatu kompromi antara dua pandangan yang bertentangan dalam bidang falsafah: idealisme dan materialisme. Pada satu pihak idealisme menyarankan bahawa dunia wujud semata-mata dalam pemikiran manusia. Maka dunia boleh diubah dengan berubahnya fikiran manusia. Pada satu pihak yang lain, materialisme menyarankan bahawa dunia hanya mengandungi objek fizikal dan material. Fikiran dan idea manusia, juga perubahannya, terikat kepada keadaan dan perubahan objek fizikal dan material tersebut. Marx menentang kedua-dua falsafah ini. Katanya, idea tidak wujud dalam hampawa dan tidak bergerak

dalam kekosongan. Untuk sesuatu idea menjadi berpengaruh ia mesti relevan dan secocok dengan konteks sejarah ketika idea itu timbul lalu menggalakkan idea itu untuk diterima umum dan menjadi penggerak ke arah sesuatu bentuk perubahan sosial. Ini kritiknya terhadap idealisme. Dalam kritiknya terhadap materialisme, Marx menghujahkan bahawa dunia material tidak wujud di luar realiti sosial, malah ia terikat kepada ruang dan waktu serta mengalami perubahan. Dunia berkenaan telah, sedang dan selanjutnya akan dibentuk semula oleh perubahan semula kemudiannya, apabila manusia melaksanakan ideanya yang pasti melibatkan unsur material. Ringkasnya Marx, melalui falsafah *historical materialism* beliau, menegaskan bahawa idea dan kesedaran manusia mampu membentuk-ubah dunia sosial dan material serentak kalau, (i) manusia bertindak berdasarkan ideanya, dan (ii) kalau mereka sedar bahawa kemampuan idea itu untuk membawakan sesuatu perubahan yang signifikan terikat kepada ciri-ciri material yang wujud dalam sesebuah masyarakat, pada sesuatu era sejarah.)

Berlandaskan andaian-andaian metodologi yang disetujui tadi, Marx telah menganalisa dengan terperinci lagi mendalar keadaan dan sifat kapitalisme di Eropah pada kurun ke-19. Beliau menghujahkan kapitalisme merupakan sebuah sistem sosial yang mempunyai setidaknya ciri-ciri berikut: (i) penindasan terbuka majoriti oleh minoriti, (ii) kontradiksi, ketegangan dan kesukaran berlaku berleluasa yang ditimbulkan oleh sistem kapitalisme itu sendiri; dan (iii) dengan wujudnya penindasan dan kontradiksi tersebut, perubahan yang mendadak lagi ganas terhadap sistem kapitalisme sukar untuk dielakkan. Berdasarkan bahan empiri daripada masyarakat-masyarakat di Eropah Barat beliau telah menghuraikan dengan lebih lanjut ciri dan mekanisme kapitalisme tersebut di atas, seperti penindasan kontradiksi dalam kapitalisme (*polarisation, homogenisation, pauperisation, monopolisation*), dan perubahan mendadak ganas melalui revolusi.<sup>5</sup>

Daripada huraian terperinci beliau tersebut kita boleh merumuskan beberapa konsep penting yang telah beliau kemukakan untuk menganalisa dua aspek utama mengenai masyarakat

kat, yakni perjalanannya dan perubahannya. Konsep dan teori tersebut adalah seperti berikut: konsep kelas sosial, teori perubahan sosial, teori kuasa dan negara, teori alienasi (*alienation*) dan teori mengenai pengetahuan. Semestinya apa yang digariskan berikut merupakan ringkasan kasar kerana adalah di luar kemampuan esei ini untuk menghuraikan lebih daripada itu.

Konsep *kelas sosial* Marx mencerminkan usaha beliau ke arah mengasaskan prinsip-prinsip perubahan sosial. Marx tidak berminat untuk memerihalkan tentang susunlapis sosial (*social stratification*), atau mengesan berapa lapis atau strata yang terdapat dalam sesebuah masyarakat, atau menunjukkan strata yang mana berprestij tinggi/rendah dan jenis-jenis prestij. Oleh itu, beliau tidak pernah menghasilkan konsep/teori susunlapis sosial, seperti yang disalah-fahamkan oleh ramai sarjana, termasuk beberapa sarjana sosiologi di Malaysia. Melalui konsep kelas sosial Marx sebenarnya meneliti masyarakat dengan memerhatikan kelompok-kelompok utama (*key groups*) yang dianggap mempunyai kepentingan kuat untuk melanjutkan sistem sosial yang sedia wujud atau mengubahnya sesuai dengan kepentingannya.

Anggota sesuatu kelas sosial boleh dikenalpasti melalui dua set kriteria: (i) kriteria objektif: di mana beberapa anggota sesebuah masyarakat berkongsi tujuan dalam hubungan mereka dengan bentuk pengeluaran (*means of production*), kerana hubungan-hubungan tersebut penting dalam menentukan peluang serta gaya hidup individu-individu berkenaan; (ii) kriteria subjektif: di mana hubungan seperti yang dinyatakan di atas, pada pendapat Marx, belum memadai untuk meletakkan sekelompok individu berkenaan sebagai suatu kelas sosial. Ia hanya mencipta satu kategori sosial, bukan kelas sosial. Kriteria objektif itu hanya penting dan bermakna kalau kelompok individu berkenaan *sedar* akan keanggotaannya dalam kelompok itu dan bersama-sama bersetuju menggunakannya sebagai asas mengatur sesuatu tindakan sosial. Maka sesuatu kategori sosial hanya merupakan suatu kelompok yang mempunyai potensi kelas dan bertukar menjadi suatu kelas sosial apabila anggota-anggotanya secara sedar dan aktif menggunakan kedudukannya



itu. Ringkasnya, kelas sosial wujud apabila *a class 'in' itself* bertukar menjadi *a class 'for' itself*. Misalnya, *peasant*, atau kaumtani, hanya merupakan suatu kategori sosial yang mempunyai potensi untuk berubah menjadi suatu kelas sosial apabila individu-individu yang menganggotainya, akibat sesuatu krisis, sedar akan kedudukan dan identiti mereka yang sama lalu sama-sama bertindak untuk membela nasib mereka. Maka dalam konteks ini mereka berubah daripada suatu kategori sosial, statistik kepada suatu gerakusa sosial yang aktif dan bererti, atau suatu kelas sosial.

Dalam *teori perubahan sosial* Marx pula, konsep kelas sosialnya menjadi konsep terpenting dalam huraian beliau mengenai teori ini. Marx melihat kelas sosial sebagai mekanisme utama yang boleh membawakan perubahan sosial. Walaupun beliau sedar bahawa dalam mana-mana masyarakat terdapat berbagai kategori dan kelompok, namun untuk memahami bagaimana struktur sosial boleh dirombak, menurut Marx, cuma dua kelompok sahaja yang signifikan: pertama, kelompok yang mempunyai kepentingan kuat untuk mempertahankan sesuatu sistem, dan, kedua, kelompok yang mempunyai kepentingan kuat untuk mengubah sistem berkenaan. Maka perubahan sosial berlaku melalui pergelutan (*struggle*) di antara kedua kelompok tersebut, sama ada dalam arena politik, perundangan, ekonomi dan militari. Marx telah memperincikan secara empiri bagaimana proses ini berlaku apabila beliau membincangkan mengenai keruntuhan masyarakat feudal di Eropah di mana selepas itu diganti pula oleh masyarakat kapitalis.

Dalam analisis Marx mengenai hal ini beliau telah menggunakan beberapa konsep yang saling berkait, seperti konsep *forces of production*, *relations of production*, *economic base*, *superstructure*. Konsep *forces of production*, merujuk kepada cara bagaimana barangan diproduksi dalam masyarakat, teknologi dan *know-how* yang digunakan serta jenis barangan yang dihasilkan. *Forces of production* mempengaruhi dan membentuk *relations of productions*. Dengan konsep ini Marx merujuk kepada hubungan sosial yang terdapat dalam proses produksi, yakni bagaimana paras perkembangan *forces of production*

menentukan bukan saja sifat kegiatan ekonomi semasa bahkan bentuk hubungan antara teknologi dan ekonomi. Maka *forces of production* dan *relations of production* dikatakan membentuk *the economic base* atau *substructure*. Oleh itu, menurut Marx, perubahan sosial berpunca daripada *base/substructure*. Bahagian-bahagian lain dalam masyarakat, yang dipanggilnya *superstructure* seperti agama, institusi politik, institusi kekeluargaan dan institusi pendidikan, dipengaruhi dan dibentuk oleh sifat *economic base* tadi. Dengan lain perkataan perubahan sosial bermula daripada yang 'di bawah' (*economic base*) dan kemudiannya melibatkan yang 'di atas' (*superstructure*).

Dalam konteks inilah Marx sering dituduh mengemukakan suatu teori perubahan sosial yang berbentuk *economic determinism*. Timbulnya tuduhan seperti ini tidak memmeranjatkan memandangkan ramai sarjana yang telah mentafsirkan konsep *economic base* Marx secara *literal* lagi simplistik dan memisahkannya daripada rangkaian falsafah, teori serta konsep Marx yang selainnya, seperti falsafah *historical materialism* dan dialektik, konsep kelas sosial, teori kuasa dan negara, teori alienasi, dan teori *dominant ideology* beliau. Mempermudahkan gagasan serta analisis Marx yang kompleks ini boleh dianggap sebagai memfitnahkan Marx, terutamanya, oleh sarjana yang mengaku sebagai pengikut Marx. Maka yang *economic determinist* bukan Marx tetapi *Marxists*. Berasaskan huraian *Marxists* ini pula, sarjana lain telah mendakwa Marx sebagai *economic determinist*.

Menurut *teori kuasa dan negara* Marx, kuasa (*power*) sebenarnya terletak dalam tangan golongan minoriti sesebuah masyarakat. Melalui kuasa inilah golongan berkenaan mendominasi golongan majoriti. Kuasa ini dijelmakan melalui undang-undang yang menjadi alat di samping pelindung kepentingan golongan minoriti tadi. Golongan ini merupakan pemilik bentuk pengeluaran (*owners of the means of production*) dalam masyarakat kapitalis. Dengan menggunakan undang-undang serta pelbagai bentuk peraturan lain, golongan minoriti ini menentukan apa barangan yang hendak dikeluarkan, berapa banyak, siapa yang boleh dan tak boleh diambil sebagai pekerja, berapa ramai dan di mana tempat kerja. Faktor-faktor ini selan-

jutnya menentukan pula kadar pendapatan, cara hidup, peluang pendidikan dan masa depan pekerja-pekerja tersebut. Berasaskan kajiannya tentang perjalanan parlimen di England, Marx telah membuktikan wujudnya pengaruh golongan minoriti dalam menentukan jenis undang-undang yang dimaktub dan dikuatkuasakan. Dalam konteks inilah beliau menghujah pula bahawa negara (*state*) sentiasa berperanan sebagai *executive committee* kepada golongan minoriti yang berkepentingan kuat tadi. Hanya melalui perjuangan yang teratur, agresif dan kadang-kadang terbuka barulah golongan majoriti dapat memperbaiki kedudukan sosial mereka. Itupun kalau keadaan sudah terlalu menekan sehingga menimbulkan krisis di mana anggota-anggota golongan minoriti tadi, yang selalunya berpecah belah, sama-sama sedar akan kedudukan tertindas mereka lalu bertindak. Tindakan seperti inilah yang boleh membawakan perubahan sosial. Kecil atau besar bentuknya bergantung pula kepada darjah seriusnya krisis ekonomi politik yang berlaku dan kesesuaian konteks sejarah yang membendungnya.

Boleh kita rumuskan di sini bahawa pencapaian Marx terpenting berupa kemampuannya mensintisiskan berbagai teori tadi dalam menganalisa sistem sosial kapitalis.<sup>6</sup> Tidak dinafikan bahawa asalmula intelektual gagasan, teori dan konsep yang dikemukakan Marx berpunca daripada ahli-ahli fikir sebelumnya. Namun tiada seorang pun ahli fikir berkenaan yang mampu menghasilkan suatu sumbangan sebesar, seluas dan setajam daya analisisnya seperti Marx, yang sehingga kini masih bernafas segar bukan saja dalam sosiologi bahkan dalam disiplin-disiplin lain dalam sains sosial dan pengajian kemanusiaan.

Untuk melihat bagaimana sumbangan Marx ini telah dikritik diperhalus dan diluaskan secara sistematis dan berkesan, perlu kita meneliti sumbangan Max Weber. Beliau tidak kurang handalnya jika dibandingkan dengan Marx dari segi sumbangannya dalam pembentukan pemikiran bercorak sosiologikal. Semestinya apa yang mampu dibincangkan berikut ini hanya garis kasar hujah serta idea Weber, dan cuma meliputi bahagian-bahagian tertentu yang relevan dengan perbincangan kita mengenai aliran konflik.

(b) Max Weber: Tokoh Terpenting Selepas Marx

Max Weber (1864-1920) telah dianggap sebagai salah seorang 'gergasi' di kalangan ahli fikir Eropah. Sumbangan beliau meliputi pelbagai aspek penting masyarakat, seperti aspek sejarah peradaban manusia, persoalan dan bentuk-bentuk agama besar dunia, persoalan birokrasi dan lain-lain lagi.

Dalam konteks perbincangan mengenai aliran konflik ini hanya dua aspek sumbangannya yang akan kita perkatakan. Pertama, mengenai kritiknya terhadap pendekatan *economic determinism*, dan kedua, tentang sumbangan beliau dalam menghalusi konsep kuasa dan kelas.

Buku Weber yang terawal mengenai agama-agama besar dunia, iaitu *Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*, mengandungi kritiknya mengenai pendekatan *economic determinism*. Tetapi kalau diteliti lebih rapi kandungan buku ini, sasarannya bukanlah kepada Marx sebenarnya. Ia ditujukan kepada Marxists yang telah mempermudah analisis Marx yang kompleks lagi rumit itu lantaran menimbulkan salah angapan pendekatan Marx sebagai bercorak *economic determinism*. Dari segi ini sumbangan Weber boleh dianggap sebagai *complementary* dan menghalusi sumbangan Marx, bukan bertentangan, seperti yang didakwa oleh setengah sarjana sehingga mempengaruhi cara sumbangan Marx dan Weber diperbincang dan dipersembahkan kepada penuntut-penuntut sains sosial, termasuk bidang sosiologi.

Pendirian asas Weber dari segi metodologi boleh disimpulkan seperti berikut: bahawa beberapa faktor wujud serentak dalam menggerakkan apa saja bentuk perubahan sosial. Beliau menekankan biarpun bukunya *Protestant Ethic* ini cuma membincangkan satu bahagian daripada kandungan suatu rangkaian sebab-musabab (*one side of the causal change*) dalam pembentukan masyarakat kapitalis, beliau tetap menganggap sebab-sebab lain, seperti sebab ekonomi, juga berperanan besar dalam pembentukan tersebut. Kepada Weber tugas terpentingnya dalam buku ini adalah untuk menghuraikan mengapa kapital-



isme mula berkembang di Barat. Hipotesa asas beliau menyatakan bahawa punca utama kapitalisme Barat adalah terbentuk dalam bentuk idea keagamaan yang hanya didapati dan dikembangkan di Barat dan tidak di tempat lain di dunia.

Weber mendapati kapitalisme berkembang mula-mulanya di negara-negara Kristian bermazhab Protestant. Lebih tepat lagi dalam negara bermazhab Protestant di mana pengaruh aliran Calvinism paling dominan. Weber selanjutnya menghujah bahawa Calvinistic *ideals* bertanggungjawab membentuk sikap dan tindakan yang sesuai, yakni di kalangan penganutnya, ke arah mengasas dan mengembangkan masyarakat kapitalis Barat. Ringkasnya, sikap yang diperlukan oleh individu-individu untuk mewujudkan sesebuah masyarakat kapitalis, terdapat dalam individu-individu yang menganut dan akur kepada Calvinistic *ideals* tadi.

Calvinism atau Calvinistic *ideals* merupakan suatu set doktrin agama yang menggalakkan penganutnya menumpukan perhatian terhadap kehidupan sekarang atau *life here-and-now*, tidak kepada kehidupan selepas mati atau *life after death*.

Pegangan agama yang sedemikian ditekankan kerana ia dipandu doktrin *predestination*. Doktrin ini menyatakan Tuhan serba berkuasa dan mempengaruhi. Maka Tuhan telah tahu, malah menentukan siapa yang terpilih (*The Elect*) dan terselamat dan siapa yang tidak. Oleh itu, kedudukan masa depan dan nasib seseorang telah ditentukan oleh Tuhan, baik atau buruk, dan ini tidak dapat diubah lagi. Namun setiap individu itu pula tidak tahu dan pasti akan nasibnya; buruk atau baik. Oleh yang demikian, penganut Calvinism berpendapat, untuk seseorang individu mengatasi rasa *insecurity* dan *uncertainty* ini, individu tersebut mestilah menumpukan segala usahanya semasa hidup di dunia ini dalam semua kegiatan secara bersungguh-sungguh. Mereka yang bersungguh-sungguh itulah yang tergolong dalam kelompok terpilih oleh Tuhan tadi. Dengan itu, Weber mendapati penganut Calvinistic *ideals* ini begitu fanatik dalam menjalankan dan menjayakan tugas sehariannya untuk mengumpul kekayaan material, tidak seperti aliran lain dalam Kristianiti (seperti Lutherani atau Roman Catholic) di mana

unsur fanatik penganutnya tertumpu kepada memenuhi keperluan *life-after-death*.

Huraiannya mengenai pendirian agama yang berasaskan doktrin Calvinism inilah yang dipanggil oleh Weber sebagai *Protestant ethic*. Beliau membandingkannya dengan ciri-ciri asas pemikiran seseorang kapitalis mengenai dunia, yang dipanggilnya *the spirit of capitalism*. Selanjutnya Weber, telah menunjukkan bagaimana pegangan seorang Calvinist dan pendirian seorang kapitalis tidak berbeza dari segi cara mereka memaksimumkan output dengan memilih jalan yang paling baik untuk mencapai kadar output itu. Langsung dirumuskan oleh Weber, bahawa wujud *causal link* antara *Protestant ethic* ini dengan *the spirit of capitalism*. Beliau mengemukakan dua sebab kenapa hubungan ini terbentuk.

Pertama, pada hemat Weber, untuk sebarang perubahan sosial yang besar berlaku, seperti kemunculan kapitalisme di Barat, perlu sekelompok individu yang lasak serta berkesanggupan untuk menolak dan menggantikan cara berfikir dan berperilaku yang sedia wujud. Timbulnya sesuatu idea baru mengenai sesuatu teknologi baru tidak semestinya menjanjikan tercipta suatu jentera baru yang boleh mengubah secara besar-besaran hidup manusia. Untuk memungkinkan ini berlaku perlu juga wujud segolongan individu yang bermotivasi kuat untuk merealisasikan idea dan teknologi baru itu di samping juga sedia menentang kepentingan golongan dominan semasa. Kepada Weber golongan penganut Calvinism ini memiliki sikap, motivasi dan kelasakan yang paling cocok untuk berbuat demikian.

Kedua, dalam kajiannya yang terperinci mengenai hubungan antara idea ekonomi dan keagamaan dan perilaku, di Barat dan luar Barat, Weber mendapati setiap agama besar mempunyai 'bahan mentah' untuk memperkembangkan kapitalisme, seperti tenaga buruh percuma, pengetahuan teknologi dan institusi kewangan. Tetapi menurutnya, tiada suatu pun agama besar yang mempunyai etika yang mengutamakan *the life here-and-now* seperti Calvinism, yang selanjutnya mendorong seseorang penganutnya untuk menghambakan dirinya kepada Tuhan dengan cara tidak berhenti bekerja keras seharian. Ringkasnya,

Weber cuba menunjukkan bagaimana agama, suatu elemen *superstructure*, boleh mendatangkan kesan terhadap perilaku ekonomi atau *economic base*.

Maka tulisan Weber mengenai *Protestant ethic* ini telah menimbulkan pelbagai kontroversi dan perdebatan bukan saja sesama ahli sosiologi bahkan di kalangan sejarawan. Ini merupakan suatu contoh utama di mana sumbangan Marx telah merangsangkan pemikiran serta perbincangan lebih mendalam tentang sesuatu isu yang kompleks lagi rumit di antara ahli fikir.

Selanjutnya Weber juga telah menghalusi konsep dan kuasa Marx. Seperti Marx, Weber melihat dunia sosial dari segi kelompok dan kepentingan kelompok. Dalam persaingan sesama kelompok yang berkepentingan tadi, Weber telah menunjukkan betapa pentingnya kuasa dalam menentukan kelompok mana yang menjadi dominan. Tetapi beliau tidak bersetuju dengan pendirian Marx bahawa kuasa berpunca hanya daripada hubungan ekonomi. Kepada Weber wujud tiga dimensi di mana konsep kuasa boleh dianalisa: kelas, status dan parti.

Kelas dimengertikan sebagai susunan ekonomi masyarakat di mana 'hubungan pasaran' (*market relationships*) merupakan aspek terpentingnya. 'Hubungan pasaran' dimaksudkan sebagai kaitan antara manusia dan harta bendanya. Dari banyak segi konsepsi Weber ini mirip dengan kriteria objektif kelas sosial Marx.

Apabila Weber menggunakan konsep status beliau merujuk kepada cara bagaimana susunan masyarakat tadi boleh menimbulkan prestij dan *social honour* yang berbeda di antara kelompok sosial yang berbeda. *Social honour* tidak diperoleh semata-mata kerana seseorang atau sesuatu kelompok itu memiliki banyak harta atau sesuatu kemahiran, sebaliknya ditentukan oleh gaya hidup yang diamalkan oleh individu atau kelompok tersebut. Maka wujud *status groups* dengan status berbeda-beda, dan untuk mempertahankan dan memperlindungi status ini anggota-anggotanya telah mencipta ritual khusus atau mewujudkan peraturan ketat mengenai perkahwinan dan sebagainya. Sistem kasta di India telah menjadi contoh utama Weber.

Dengan konsep parti Weber merujuk kepada cara kelompok-



kelompok sosial menyusun kegiatan masing-masing demi mencapai sesuatu matlamat atau objektif, seperti kedudukan sosial yang tinggi, hak menguasai perjalanan/pentadbiran masyarakat dan lain-lain. Parti mengandungi individu daripada pelbagai kelompok status dan kelas tetapi yang berkongsi tujuan dan matlamat pencapaian. Weber berpendapat parti hanya boleh wujud dalam masyarakat yang 'pemegang kuasa' boleh dipengeruhi serta ditukarganti.

Dengan menggunakan rangkaian tiga konsep ini, (kelas, status dan parti) Weber berpendapat kita boleh menganalisa dengan lebih peka bagaimana kuasa diperoleh, dikekalkan dan diagih dalam sesebuah masyarakat. Berasaskan pendekatan yang sedemikian beliau telah mendapati pergelutan dan persaingan sesama kelas sosial, misalnya tidak semestinya berpunca daripada sebab-sebab ekonomi semata-mata. Malah kadang-kadang bertentangan dengan kepentingan kelas sosial berkenaan itu sendiri. Lantaran itu tujuan sesuatu kelas sosial atau kelompok status itu untuk berkuasa dalam sesebuah masyarakat bukan hanya didorongkan oleh kemahuan ekonomi tetapi lebih untuk menegakkan hak (*rights*) mereka sebagai kelompok terpenting dalam masyarakat. Dalam peristilahan Weber proses ini dipanggilnya *legitimization process* (proses mewujudkan keabsahan). Hanya dengan memenuhi proses ini maka wibawa (*authority*) dapat diperolehi oleh sesuatu kelompok status atau kelas sosial. Parti, dalam konteks ini, menjadi *platform* pengembelangan kepentingan kelas sosial dan kelompok status guna mempengaruhi jentera sesebuah negara demi memenuhi keinginan proses pengabsahan tadi. Menurut Weber punca wibawa terletak pada tiga sumber: tradisi, karisme dan rasionaliti. Adunan ketiga-tiga ciri ini membolehkan sesuatu kelas sosial atau kelompok status tadi (yang merupakan golongan minoriti masyarakat) menguasai dengan penuh wibawa golongan majoriti. Implikasi daripada huraian ini adalah perubahan sosial boleh berlaku atau dikawal, secara langsung atau tidak, oleh golongan minoriti sesebuah masyarakat.

Kita dapat melihat daripada huraian Weber ini bahawa terkandung di dalamnya usaha untuk memperkembang dan mem-



perhalus konsep kelas dan kuasa kemukaan Marx, terutamanya pada paras fenomenologikal.

#### 4.3. *Rumusan*

Dalam bahagian ini telah dihuraikan cara aliran konflik menanggapi dan menganalisa bukan saja perjalanan masyarakat bahkan juga perubahan yang berlaku terhadapnya. Rata-rata unsur kepentingan (ekonomi, politik, sosial, undang-undang dan lain-lain) menjadi elemen pokok dalam analisa bercorak konflik ini, dalam erti kata meneliti bagaimana perbezaan dan pertentangan kepentingan antara kelompok sosial dalam sesebuah masyarakat mempengaruhi organisasinya. Pecah belah dan konflik mencirikan kehidupan sosial manusia, pada pandangan tokoh-tokoh konflik seperti Marx dan Weber.

Setakat manakah pada paras yang lebih umum, perbezaan dari segi teoritis, analitis dan konsepsi antara aliran konsensus dan konflik ini wujud, perlu juga kita berikan perhatian.

### 5. Kedudukan Paradigmatis Aliran Konsensus dan Konflik Dalam Perspektif Strukturalisme

Dalam perbincangan kita setakat ini tentang dua aliran utama perspektif strukturalisme tersebut — konsensus dan konflik — kita tidak dapat mengelakkan daripada menumpukan perhatian kepada ciri-ciri yang membedakannya. Perbezaan yang dibentangkan antara kedua aliran ini, seperti yang dapat kita kesan melalui perbincangan sumbangan tokoh pentingnya tadi, begitu meyakinkan dan sememangnya wujud, sama ada dari segi teoritis maupun empiris.

Tetapi dari segi paradigmatis (meminjam istilah Thomas Kuhn), kedua aliran ini mempunyai banyak persamaan. Dalam aliran-aliran ini setiap tokoh aliran-aliran itu pada asasnya, berminat hendak tahu bagaimana keseluruhan masyarakat berjalan, apakah bahagian-bahagian pentingnya, bagaimana bahagian-bahagian ini berhubungan, dan bagaimana struktur sosial membentuk serta membataskan tindakan seseorang individu.

Maka dalam melaksanakan usaha mencari jawapan kepada persoalan-persoalan ini, tokoh-tokoh dalam setiap aliran berkenaan telah melihat struktur sosial sebagai suatu keseluruhan, sebagai suatu sistem yang mengandungi bahagian-bahagian, yang berkaitan pula antara satu sama lain, dan di mana sebarang perubahan yang berlaku terhadap sifat bahagian-bahagian ini boleh membawakan pula perubahan struktur sosial keseluruhannya.

Oleh itu, yang membezakan kedua-dua aliran ini sebenarnya adalah pandangan mereka tentang sifat sistem itu, sifat bahagian-bahagian, bentuk dan jenis hubungan antara bahagian-bahagian tadi di mana ada bahagian-bahagian tertentu yang ditonjolkan sebagai penting dan dominan. Maka tidak keterlaluan untuk kita menggelar tokoh-tokoh daripada kedua-dua aliran ini sebagai *structuralists* dan sumbangan mereka berbentuk *structuralism*, biarpun apa versinya.

## 6. Beberapa Perkembangan Semasa Perspektif Strukturalisme

Perspektif strukturalisme dalam sosiologi masa kini dipengaruhi kuat oleh pandangan daripada kelompok ahli falsafah Perancis, yang dikenal sebagai *French structuralist*. Walaupun lebih banyak kerencaman daripada keseragaman yang terdapat di kalangan anggota kelompok ini, mereka terus disekelompokan demikian kerana satu sebab pokok: masing-masing telah menggunakan suatu perbendaharaan kata dan metodologi yang bercorak *structuralist* berpunca daripada pengaruh tulisan Ferdinand de Saussure mengenai semiologi (*the science of signs*). Termasuk dalam kelompok ini adalah tokoh-tokoh berikut: Levi-Strauss, seorang ahli antropologi; Roland Barthes, seorang pengkritik sastera dan penganalisa budaya; Louis Althusser, seorang ahli falsafah Marxist; Jacques Lucan, seorang ahli psikoanalisa; Michael Foucault dan Jacques Derrida, kedua-duanya ahli falsafah.

Di antara tokoh-tokoh tersebut pemikiran dan sumbangan Louis Althusser yang paling berpengaruh dalam sosiologi, diikuti oleh Michael Foucault, khususnya, dalam sosiologi sastera.

Walaupun Althusser mengaku bahwa pendiriannya tidak sepenuhnya *structuralist*, namun pengaruh perspektif strukturalisme dapat dikesan dalam sebahagian besar tulisan beliau. Misalnya, dalam tafsiran beliau mengenai sumbangan Marx, Althusser menekankan bahwa manusia tidak penting dalam pengajian sejarah manusia. Di sebaliknya *structural forces* merupakan elemen utama dan agen kepada perubahan sosial, maka elemen ini yang mesti dijadikan bahan kajian saintifik bukan insan/manusia itu sendiri. Pendapat beliau ini telah dipersetujui oleh Foucault dan beberapa orang ahli falsafah Perancis. Langsung pendirian Althusser ini dianggap sebagai *anti-humanist* dari segi teoritis dan menganjurkan *the disappearance of the subject*, yakni manusia, daripada rangka analisisnya.

Biarpun demikian kedudukan sumbangan Althusser kepada setengah pihak, namun pendirian serta metodologi beliau telah mempengaruhi sebilangan ahli sains sosial Perancis termasuklah mereka daripada disiplin sosiologi, sains politik, ekonomi dan antropologi. Maurice Godelier, seorang ahli antropologi, dan Nicos Poulantzas, seorang ahli teori politik, jelas dipengaruhi oleh pendirian Althusser. Kedua-dua sarjana ini pula telah mempengaruhi ramai sarjana lain di dalam dan luar disiplin mereka.

Walaupun konsep struktur yang digunakan oleh *French Structuralist* jarang-jarang didefinisikan secara jelas, namun kita boleh rumuskan daripada tulisan sarjana-sarjana di atas pengertian konsep berkenaan. Struktur tidak merujuk kepada institusi sosial yang nyata atau *concrete* yang membentuk sesebuah masyarakat. Di sebaliknya konsep ini merujuk kepada hubungan fungsional yang sistematis antara institusi-institusi tersebut. Ini telah ditegaskan oleh Godelier dalam tulisannya "System, Structure and Contradiction in Marx's *Capital*" (dalam *Ideology in the Social Sciences*, diedit oleh R. Blackburn, New York: Vintage Books, 1972) halaman 336, yang berbunyi berikut:

"... Structures should not be confused with visible "social relations", but constitute a level of reality invisible but present behind the visible "social relations" ..."

Pemahaman seperti inilah yang telah dijadikan landasan teoritis

oleh Poulantzas apabila menghuraikan teorinya mengenai sifat negara kapitalis dari kacamata *structuralist* dalam bukunya *Political Power and Social Classes* (London: New Left Book, 1973).

Pendefinisian konsep struktur seperti ini telah digunakan oleh ramai ahli sosiologi yang mengkaji pelbagai aspek masyarakat masakini. Ini mengingatkan kita tentang dua konsep yang telah diperkenalkan oleh de Saussure, yakni *langue* (struktur bahasa yang tersirat) dan *parole* (pengucapan sebenar seharian dalam penggunaan bahasa).

Walaupun strukturalisme ala-Perancis ini telah tersebar luas di luar Perancis dalam 1970an dan 1980an, ketika pengaruhnya telah menurun di Perancis sendiri, namun proses penyebarannya itu menjadi agak perlahan kerana tulisan-tulisan *French structuralist* berkenaan didapati sangat sukar difahami. Biarpun sedemikian keadaannya, kita masih dapati ramai sarjana sains sosial, termasuk ahli sosiologi, di dunia Anglo-Saxon kini giat memperkembangkan perspektif ini, yang rata-rata dipengaruhi oleh tulisan Marx. Tidak kurang juga ahli-ahli sosiologi daripada Dunia Ketiga yang telah dipengaruhi dan mengembangkan perspektif *structuralist-ala-marxist* ini. Misalnya, dalam bidang sosiologi pembangunan pengaruh perspektif ini amat dirasakan.



JADUAL 1

TALCOTT PARSONS: MASYARAKAT SEBAGAI SUATU SISTEM SOSIAL

IMPERATIF FUNGSIONAL			
INSTRUMENTAL		EKSPRESIF	
<u>PENYESUAIAN</u> (adaptation)	<u>PENCAPAIAN</u> <u>MATLAMAT</u> (goal attainment)	<u>PERLANJUTAN POLA</u> <u>DAN PENGENDALIAN</u> <u>KETEGANGAN</u> (pattern maintenance and tension management)	<u>INTEGRASI</u> (integration)
SUSUNAN INSTITUTIONAL			
<u>EKONOMI</u>  [suatu sub-sistem yang utama]  Mengandungi  <u>INSTITUSI</u>  [contoh: sistem kilang, sistem banking]  Setiap institusi mengandungi pula  <u>SET PERANAN</u>  Mengandungi <i>norma</i> yang menentukan prilaku praktik yang ditentukan pula oleh:	<u>POLITIK</u>  [suatu sub-sistem yang utama]  Mengandungi  <u>INSTITUSI</u>  [contoh: parti politik dan pentadbiran negara]  Setiap institusi mengandungi pula  <u>SET PERANAN</u>  Mengandungi <i>norma</i> yang menentukan prilaku praktik yang ditentukan pula oleh:	<u>KEKELUARGAAN</u>  [suatu sub-sistem yang utama]  Mengandungi  <u>INSTITUSI</u>  [contoh: keluarga asas, perkahwinan]  Setiap institusi mengandungi pula  <u>SET PERANAN</u>  Mengandungi <i>norma</i> yang menentukan prilaku praktik yang ditentukan pula oleh:	<u>ORGANISASI</u> <u>BUDAYA DAN</u> <u>KOMUNITI</u>  [suatu sub-sistem yang utama]  Mengandungi  <u>INSTITUSI</u>  [contoh: sekolah, gereja]  Setiap institusi mengandungi pula  <u>SET PERANAN</u>  Mengandungi <i>norma</i> yang menentukan prilaku praktik yang ditentukan pula oleh:
NILAI		ASAS	

- <sup>1</sup> Sayugia diingat bahawa di samping perspektif strukturalisme sekurang-kurangnya terdapat dua lagi perspektif utama dalam sosiologi. Pertama, perspektif yang dikenali sebagai *symbolic interactionism* dengan tokoh-tokoh pentingnya seperti George H. Mead, Herbert Blumer, Anselm Strauss, Erving Goffman dan Howard Becker. Kedua, perspektif yang didapati dipanggil *ethnomethodology* yang bertunjangkan falsafah Edmund Husserl tetapi diperkenal dan digunakan dalam sosiologi mula-mula oleh Alfred Schutz dan diperlanjut dan diperluas oleh Peter Berger, Thomas Luckmann, Harold Garfinkel, Aaron Cicourel dan Emmanuel Schegloff. Kedua-dua perspektif ini bertumpu dan berkembang subur di Amerika Syarikat dalam abad ke-20 ini.

Hendaknya janganlah pula kita kelirukan kedudukan perspektif-perspektif berkenaan dengan dua perspektif lain yang menjadi asas pengkonsepsian kaedah saintifik (*scientific method*) dalam bidang metodologi disiplin sosiologi. Dua perspektif berkenaan adalah, pertamanya, *hypothetico-deductive method* anjuran Karl Popper, dan keduanya, *preparadigmatic method* yang telah diajukan oleh Thomas Kuhn.

- <sup>2</sup> Saya kini sedang mengusahakan sebuah esei panjang bertajuk "Mengenai Teori Sosial" di mana saya bincangkan dengan terperinci sifat huraian sosial (*The nature of social explanations*) dan beberapa isu utama, dari segi epistemologi, untuk pembaca berbahasa Malaysia mengenali dengan lebih rapat proses pembinaan dan kandungan teori sosial.
- <sup>3</sup> Pengaruh Durkheim dan sumbangannya telah diperkembang dan diperincikan oleh tokoh-tokoh antropologi sosial British seperti Radcliffe-Brown dan Malinowski.
- <sup>4</sup> Sila lihat perbincangan lanjut mengenai hal ini dalam A.G. Frank, *Sociology of Development and Underdevelopment of Sociology*, London: Pluto Press, 1971 (artikel asalnya daripada jurnal *Catalyst*, No. 3, 1967).
- <sup>5</sup> Sesiapa yang berminat mengetahui dengan lebih lanjut huraian terperinci oleh Marx tentang ciri dan mekanisme sistem kapitalisme sila lihat, terutamanya, tiga jilid karya terpentingnya, iaitu *Das Kapital*, yang telah diterjemahkan ke Bahasa Inggeris sebagai *Capital*. Edisi yang dianggap terbaik telah diterbitkan oleh Lawrence & Wishart, London dan kini telah diterbitkan semula oleh Penguin dalam bentuk kulit nipis. Untuk mereka yang berminat, tetapi tidak serius hanya sekadar untuk mengerak sepintas lalu dan sebagai santapan mata sebelum tidur bolehlah membaca Rius, *Marx for Beginners* (London, 1971).
- <sup>6</sup> Tidak semua teori Marx, yang telah menyentuh beberapa aspek lain masyarakat, dapat dibincangkan dalam esei ringkas ini. Yang tidak dibincangkan termasuklah teorinya mengenai agama, teori alienasi dan teori ilmu pengetahuan beliau.